



PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR
TINGKAT LG, G, 2, 3, 4,
BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH
40576 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN

Telefon : 603-5544 7000
No. Faks : 603-5510 2658 / 5520 5628
E-mail : ptgs@selangor.gov.my
URL : http://ptg.selangor.gov.my
Hotline : 1800-8-82624 (Tanah)

Ruj Fail: Bil.(1)dIm.PTGS/KM 13/00/2004 Jld.38

Tarikh: 1 Julai 2020
9 Zulkaedah 1441H

Dr. Mohd Azhar Bin Mohamed Ali S.M.S, A.I.S, P.J.K
Timbalan Pengarah Tanah dan Galian (Pendaftaran)
Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor.

YBrs. Dr,

PERLANTIKAN SEBAGAI KETUA PEGAWAI MAKLUMAT KERAJAAN (CHIEF INFORMATION OFFICER – CIO) PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI SELANGOR (PTGS)

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa merujuk kepada surat Arahan Ketua Setiausaha Negara bertarikh 22 Mac 2020. Penamaan Ketua Pegawai Maklumat Sektor Awam menyatakan bahawa “agensi Sektor Awam perlu menamakan seorang Ketua Pegawai Maklumat (CIO) di kalangan pengurusan atasan”.

3. Sehubungan dengan itu, YBrs.Dr. selaku Timbalan Pengarah Tanah dan Galian (Pendaftaran) PTGS adalah dilantik sebagai Ketua Pegawai Maklumat (Chief Information Officer – CIO) PTGS. Bersama-sama ini disertakan Peranan dan Tanggungjawab CIO PTGS seperti di **Lampiran A** untuk perhatian YBrs. Dr. jua.

4. Pentadbiran ini mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Y.Brs. Dr di atas perlantikan ini.

Sekian, terima kasih.

“SELANGOR MAJU BERSAMA”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(YUSRI BIN ZAKARIAH) S.M.S.
Pengarah Tanah Dan Galian Selangor

PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB
KETUA PEGAWAI MAKLUMAT (CHIEF INFORMATION OFFICER – CIO) PTGS

1. Merancang dan menyediakan Pelan Strategik Teknologi Maklumat agensi yang mengandungi perancangan ICT dalam menyokong pencapaian maklumat agensi;
2. Memperkemaskan dan menyepadukan proses-proses yang *cross functional* antara jabatan bagi menghasilkan perkhidmatan yang lebih cekap dan berkesan;
3. Membangun, mengendali dan mengurus sistem dan infrastruktur IT yang utuh dan selamat serta berdasarkan kepada ciri *modular, connectivity, inter-operability* dan *portability*;
4. Menentu hala tuju sistem aplikasi agensi bagi mengurangkan masa dan kos pembangunan, penyelenggaraan dan pengoperasian;
5. Memelihara integriti data elektronik, menggalak perkongsian maklumat dan menyediakan kaedah bagi penyebaran maklumat secara elektronik kepada pengguna-pengguna yang sah sama ada dalam atau luar agensi;
6. Menganggotai Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan atau jawatankuasa utama yang menggubal dasar dan bertanggungjawab terus kepada Ketua Setiausaha atau Ketua Jabatan / Agensi;
7. Mempromosikan kegunaan IT yang berkesan dan seiringan untuk mencapai matlamat strategik agensi dan bertindak sebagai agen dan perintis perubahan (*champion of change*);
8. Memimpin dan melibatkan agensi dalam usaha-usaha kerajaan untuk membangun dan melaksanakan projek IT sektor awam yang membawa perubahan dalam pengurusan dan pentadbiran Perkhidmatan Awam.

MAKLUMAT CIO SEKTOR AWAM

Ketua Pengarah
Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)
Pejabat Ketua Pegawai Maklumat Kerajaan (GCIO) Sektor Awam
Aras 2, Blok B, Bangunan MKN Embassy Techzone
No. 3200, Jalan Teknokrat 2
63000 Cyberjaya
Selangor Darul Ehsan
(u.p: Puan Norazida binti Mohd Nor)
Nombor Telefon : 03-8872 3112
Nombor Faks : 03-8318 4412

Tuan,

MAKLUMAT KETUA PEGAWAI MAKLUMAT / CHIEF INFORMATION OFFICER (CIO) SEKTOR AWAM

Sukacita dikemukakan maklumat Ketua Pegawai Maklumat agensi ini untuk rujukan dan tindakan tuan.

Nama Agensi	:	Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor
Nama CIO	:	Dr. Mohd Azhar bin Mohamed Ali s.m.s, A.I.S, P.J.K
Jawatan	:	Timbalan Pengarah Tanah dan Galian (Pendaftaran)
Skim Perkhidmatan/Gred	:	Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M52
Nombor Telefon	:	03-5521 7804
Nombor Faks	:	-
E-mel	:	dr.azhar@selangor.gov.my
Alamat	:	Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 40576 Shah Alam, Selangor
Tandatangan	:	
Nama dan Jawatan	:	
Tarikh	:	YUSRI BIN ZAKARIAH s.m.s, PENGARAH TANAH DAN GALIAN, SELANGOR 1 Julai 2020



KETUA SETIAUSAHA NEGARA,
JABATAN PERDANA MENTERI,
BLOK TIMUR, ARAS 4,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN,
62502 PUTRAJAYA,
MALAYSIA.

Telefon: 88881480
Fax: 88883382

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: PM (S)18114

Jld. 13 (74)
Tarikh: 22 Mac 2000

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Setiausaha Kerajaan Negeri

Y. Bhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan

PENAMAAN KETUA PEGAWAI MAKLUMAT SEKTOR AWAM

Sukacita saya menarik perhatian Y. Bhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana Y. Bhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan sedia maklum, penggunaan teknologi maklumat di sektor awam terus berkembang dan program meningkatkan penggunaan teknologi maklumat diberi keutamaan oleh Kerajaan. Usaha terkini Kerajaan dalam melaksanakan beberapa aplikasi perdana seperti Kerajaan Elektronik, Sekolah Bestari, Kad Pintar Pelbagaiguna dan Teleperubatan menunjukkan kesungguhan kerajaan untuk meningkatkan mutu perkhidmatan awam melalui teknologi maklumat

3. Penggunaan teknologi maklumat telah dan akan terus membawa perubahan besar dalam pengurusan dan pentadbiran Kerajaan. Dengan itu, perancangan dan pelaksanaan yang rapi dan selaras adalah amat penting. Sehubungan dengan ini, Jawatankuasa IT dan Internet Kerajaan (JITIK) telah memutuskan bahawa adalah perlu bagi setiap agensi melantik Ketua Pegawai Maklumat (*Chief Information Officer - CIO*). Tanggungjawab utama CIO ialah menentukan strategi dan melaksanakan inisiatif IT bagi mencapai visi dan objektif pembangunan dan penggunaan IT di agensi masing-masing. Peranan CIO termasuk, antara lain, memberi pimpinan, penyelarasan dan haluan dalam penggunaan IT serta sebagai penasihat IT kepada pihak pengurusan dalam agensi. Oleh yang demikian, CIO perlulah terdiri dari kalangan pengurusan atasan agensi berkenaan.

4. Secara khususnya, bidang tugas dan tanggungjawab CIO termasuk:-
- (a) Menyediakan Pelan Strategik Teknologi Maklumat agensi yang mengandungi perancangan penggunaan IT dalam menyokong pencapaian matlamat agensi;
 - (b) Memperkemaskan dan menyepadikan proses-proses yang *cross functional* antara jabatan bagi menghasilkan perkhidmatan yang lebih cekap dan berkesan;
 - (c) Membangun, mengendali dan mengurus sistem dan infrastruktur IT yang utuh dan selamat serta berdasarkan kepada ciri modular, *connectivity*, *inter-operability* dan *portability*;
 - (d) Menentu hala tuju sistem aplikasi agensi bagi mengurangkan masa dan kos pembangunan, penyelenggaraan dan pengoperasian;
 - (e) Memelihara integriti data elektronik, menggalak perkongsian maklumat dan menyediakan kaedah bagi penyebaran maklumat secara elektronik kepada pengguna-pengguna yang sah sama ada dalam atau luar agensi;
 - (f) Menganggotai Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan atau jawatankuasa utama yang menggubal dasar dan bertanggungjawab terus kepada Ketua Setiausaha atau ketua jabatan/agensi;
 - (g) Mempromosikan kegunaan IT yang berkesan dan seiringan untuk mencapai matlamat strategik agensi dan bertindak sebagai agen dan perintis perubahan (*champion of change*); dan
 - (h) Memimpin dan melibatkan agensi dalam usaha-usaha kerajaan untuk membangun dan melaksanakan projek IT sektor awam yang membawa perubahan dalam pengurusan dan pentadbiran Perkhidmatan Awam.

5. Y. Bhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan adalah diminta untuk menamakan seorang CIO dari kalangan pegawai Gred 1 ke atas yang sedia ada dan **mengemukakan nama tersebut kepada Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) selewat-lewatnya 3 minggu dari tarikh surat ini.**

Sekian, terima kasih.



(TAN SRI ABDUL HALIM ALI)

s.k. Ketua Pengarah
Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan
Pengurusan Malaysia (MAMPU)
Jabatan Perdana Menteri
Aras 6, Blok B2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Putrajaya